

15/01/2005
Sukan-Tiket (F1)
POTONGAN HARGA KHAS TIKET F1

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Litar Antarabangsa Sepang (SIC) menawarkan harga diskaun RM50 bagi pakej tiket yang dijual dengan harga biasa sebanyak RM250 selama tiga hari, bagi Grand Prix Formula 1 akan datang.

Tiket diskaun khas itu untuk tempat duduk bertutup Hillstand C2 dan tawaran sehari itu akan dijual di litar itu pada esok sahaja sempena dengan Racers United bagi membantu Kempen Tabung Tsunami.

"Ini cara kita mengucapkan terima kasih kepada semua yang akan menyaksikan perlumbaan itu bagi kempen tabung berkenaan. Tiket akan dijual di Pit No 19 mulai pukul 10 pagi," kata Pegawai Akhbar SIC Azhar Ghazali.

Sepang akan menjadi hos sesi musim F1 tahun ini sebanyak 19 pusingan termasuk buat pertama kali di Turki, pembukaan sesi ini di Melbourne, Australia pada 16 Mac.

"Kita mahu setiap orang datang ke litar ini esok. Tidak ada bayaran bagi mereka menyaksikan semua aktiviti dan tempat letak kereta adalah percuma," katanya.

Orang ramai boleh memasukkan sumbangan mereka di mana-mana kotak derma di sekitar bangunan pit itu.

Azhar berkata pelawat boleh juga memberikan sumbangan dengan menyertai semua aktiviti di mana semua kutipan akan disalurkan kepada Tabung Bencana Tsunami Malaysia.

Selain daripada penggunaan trek biasa untuk Hari Trek pada ahad ini, aktiviti lain yang sedang dibuat termasuk menaiki teksi di sekitar trek, pengalaman di atas trek dalam bas, pencucian kereta amal, sukan simulator F1, jualan pakaian perlumbaan dan cabutan nombor bertuah.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad adalah antara pemandu bagi menaiki teksi, yang lain termasuk pelumba utama Malaysia Karamjit Singh, Adam Azman, Tommy Lee, Eric Yeo, Aminuddin Omar, Chin Jit Pynn dan anaknya, Tzer Pinn.

ATURCARA - AHAD, 16 JANUARI, 2005

9.00pagi - Program Hari Trek Ahad bermula untuk penunggang motosikal
10.00 - Drift.Com Cabaran Aliran (Sesi 1) di Tempat Letak Kereta F1 Paddock
- Sukan simulator bermula Cucian Kereta Amal di Pit 16, tempat letak kereta Paddock
12.15 tengahari - Demonstrasi Wheelie di Front straight
2.00 petang - Program Hari Trek Ahad bermula untuk kereta
2.00 - Drift.Com Cabaran Aliran (Sesi 2) di tempat letak kereta Paddock.
2.15 - Pengalaman melalui litar menaiki bas berpandu
4.00 - Menaiki teksi khas dengan Dr Mahathir
4.30 - Penyampaian bantuan tsunami kepada Datuk Seri Najib Tun Razak
-- BERNAMA
ZUZ ISA BK